



**Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan menarik di mana stok pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia telah meningkat kepada RM667.5 bilion untuk suku kedua 2019 daripada RM605.1 bilion setahun yang lalu**

**SIARAN MEDIA  
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA  
YB TUAN LIM GUAN ENG**

**MALAYSIA TERUS MENJADI DESTINASI PELABURAN MENARIK DI MANA STOK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA TELAH MENINGKAT KEPADA RM667.5 BILION UNTUK SUKU KEDUA 2019 DARIPADA RM605.1 BILION SETAHUN YANG LALU**

Dokumen Kedudukan Pelaburan Antarabangsa yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa jumlah stok pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia telah meningkat sebanyak 10.3% kepada RM667.5 bilion dalam suku kedua 2019, daripada RM605.1 bilion pada tahun lalu. Peningkatan jumlah stok FDI secara berterusan ini menunjukkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan antarabangsa, sewaktu dunia dilanda perang perdagangan.

**Prospek pertumbuhan yang berterusan menarik masuk FDI**

Pertumbuhan ekonomi yang mampan merupakan salah satu sebab di sebalik peningkatan stok FDI negara. Dalam suku yang sama, KDNK Malaysia berkembang 4.9% tahun-ke-tahun, iaitu lebih pesat berbanding pertumbuhan 4.5% untuk suku pertama 2019. Pengembangan KDNK Malaysia ini berlangsung ketika ekonomi serantau mengalami kelembapan pertumbuhan. Pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.9% adalah lebih tinggi daripada jangkaan pasaran 4.7%, seperti yang dikumpul oleh Bloomberg.

Pencapaian suku kedua yang lebih baik berbanding jangkaan ini telah meyakinkan Fitch untuk menyemak semula unjuran dalamannya untuk pertumbuhan KDNK Malaysia tahun 2019 dengan menaikkannya kepada 4.6% daripada unjuran asal 4.2%. Kerajaan menjangkakan KDNK akan berkembang antara 4.5%-5.0% tahun ini, berdasarkan tren di separuh pertama tahun ini.

**MIDA menunjukkan FDI yang diluluskan telah naik di separuh pertama 2019**

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa dan Imbangan Bayaran mendefinisikan FDI sebagai pelaburan berkekalan oleh pihak-pihak asing ke dalam syarikat-syarikat tempatan. Pelaburan berkekalan memberikan pelabur kawalan ke atas syarikat-syarikat tersebut. Ini selaras dengan definisi yang diberikan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Ia bukanlah satu-satunya definisi yang ada. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mendefinisikan FDI sebagai pelaburan ke dalam projek. Selain itu, FDI yang diluluskan memainkan fungsi sebagai petunjuk bagi FDI sebenar seperti yang didefinisikan MIDA.

MIDA telah mengumumkan bahawa FDI diluluskan untuk semua sektor telah meningkat sebanyak 97.2% kepada RM49.5 bilion dalam separuh pertama 2019, daripada RM25.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Tambahan lagi, pelaburan pembuatan yang diluluskan telah meningkat sebanyak 74.2% kepada RM33.1 bilion untuk separuh pertama 2019, daripada RM19.0 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu. Daripada RM33.1 bilion tersebut, RM25.1 bilion adalah FDI pembuatan yang diluluskan di mana pelaburan bernilai RM11.7 bilion berasal daripada Amerika Syarikat. Ini menjadikan AS sebagai sumber terbesar FDI pembuatan diluluskan dalam tempoh tersebut. Negara China pula merupakan sumber kedua terbesar dengan RM4.8 bilion. Singapura berada di tempat ketiga dengan FDI RM3.1 bilion dan Jepun pula sumber yang keempat terbesar dengan FDI RM2.1 bilion (Jadual 1).

**Jadual 1: FDI pembuatan diluluskan berdasarkan negara sumber yang terbesar, 1H2019**

| Negara sumber    | FDI pembuatan diluluskan (RM bilion) |
|------------------|--------------------------------------|
| Amerika Syarikat | 11.7                                 |
| China            | 4.8                                  |
| Singapura        | 3.1                                  |
| Jepun            | 2.1                                  |

MIDA menyatakan bahawa pelaburan pembuatan yang diluluskan bernilai RM33.1 bilion ini akan mencipta sebanyak 30,449 peluang pekerjaan dalam masa terdekat. Kerajaan akan terus mengekalkan pendekatan mesra perniagaan (business-friendly) untuk menarik pelaburan ke dalam negara dan mencipta peluang pekerjaan yang berkualiti untuk semua rakyat Malaysia.

**Sayangi Malaysiaku!**

**Lim Guan Eng**

Menteri Kewangan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Putrajaya  
20 Ogos 2019